

28/07/2000

Asean+3 gagasan Dr Mahathir

NAMANYA mungkin berbeza tetapi gagasannya tetap sama. Sepuluh tahun selepas diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) mengadakan pertemuan secara rasmi buat julung kalinya di Bangkok kelmarin. Dari sudut mana pun ia dilihat, pertemuan Asean+3 itu adalah bersejarah sebagai menggambarkan negara di Asia Timur menerima dan melaksanakan usaha mewujudkan EAEC ke arah membentuk kerjasama dalam semua sektor utama. Tiada apa yang dapat dilakukan Amerika Syarikat - negara yang sebelumnya lantang menolak cadangan pembentukan majlis perundingan berkenaan - untuk menghalangnya kali ini.

Antara yang tersenarai dalam kerangka tugasannya, Asean+3 bersetuju mengukuhkan kerjasama ekonomi serta meningkatkan kerjasama serantau bagi mengukuhkan sistem perdagangan multilateral. Dalam pada itu, gagasan baru ini bukan bertujuan membina blok perdagangan sebagaimana yang dibimbangi oleh Amerika, sebaliknya sekadar bekerjasama tanpa mengamalkan dasar perlindungan dagangan eksklusif dengan meletakkan tembok dan hadangan.

Kehadiran Menteri Luar Jepun, Yohei Kono, dalam pertemuan kelmarin juga harus dilihat sebagai mencerminkan keterbukaan negara itu dalam menerima gagasan berkenaan selain China dan Korea Selatan. Ia dengan sendirinya adalah satu pengiktirafan selain kesedaran terhadap perlunya bagi negara-negara di rantau ini memiliki suara dalam pelbagai isu.

(END)